

TEROMBA SEBAGAI RAJA PUISI MELAYU TRADISIONAL

Rosliza Binti Musa

Fakulti Sains Sosial

Universiti Melaka (UNIMEL)

Zuraidah Binti Hassan

Fakulti Sains Sosial

Universiti Melaka (UNIMEL)

Mohd Rosli Bin Saludin

Institut Alam dan Tamadun Melayu

(ATMA), UKM, Bangi, Selangor.

Corresponding Author's Email: rosliza7175@moe.gov.my

Article history:

Received: (15 Oktober 2023)

Accepted: (1 November 2023)

Published: (30 Disember 2023)

ABSTRAK

Kajian ini adalah tentang teromba sebagai raja puisi Melayu tradisional dan ianya digunakan dalam semua aspek kehidupan masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih di Negeri Sembilan. Peranannya sangat penting dalam empat tahap Adat Perpatih di Negeri Sembilan iaitu adat yang sebenar-benar adat, adat yang diadatkan, adat yang teradat dan adat istiadat. Ia boleh digunakan oleh semua pihak kerana teromba ini baik untuk menyampaikan mesej, maklumat dan pendidikan secara berhemah. Kajian ini banyak menggunakan Kaedah Mengalami Menghayati dan kupasan terhadap teks dan juga terombanya. Untuk membincangkan penggunaan teromba dalam kalangan masyarakat Adat Perpatih. Turut dikaji fungsi-fungsi teromba dalam kalangan masyarakat Adat perpatih., teromba sebagai raja puisi dan untuk membincangkan teromba sebagai alat upacara. Dapatkan kajian jelas menunjukkan teromba ini adalah raja puisi kerana dalamnya terkandung puisi yang lain, masih diamalkan dari dahulu hingga sekarang, fungsinya sangat jelas dan banyak digunakan dalam setiap upacara. Kajian ini penting kepada semua pihak dan boleh dijadikan panduan penting untuk memahami Adat Perpatih.

Kata Kunci: Teromba, Sebagai Raja, Puisi Melayu Tradisional

ABSTRACT

This study delves into the significance of Teromba as the preeminent embodiment of Traditional Malay Poetry, particularly within the socio-cultural milieu of the Adat Perpatih community in Negeri Sembilan. Its pivotal role is underscored across four distinct stages of Adat Perpatih, encompassing authentic customs, ritualized traditions, ingrained practices, and ceremonious customs. Teromba emerges as an instrumental medium transcending conventional boundaries, proficiently communicating messages, disseminating information, and

imparting education with cultural finesse. Employing the Experiential-Experiential Method, this research critically analyzes textual content and the nuanced attributes of Teromba itself. The study comprehensively explores the multifaceted functions of Teromba within the Adat Perpatih community, delineating its status as the apex of poetic expression and its ceremonial utility. Findings unequivocally establish Teromba as the sovereign repository of poetic compositions, resiliently adhered to throughout epochs, and seamlessly integrated into diverse ceremonial practices. This research bears overarching significance for stakeholders, offering a vital compendium for comprehending the intricate fabric of Adat Perpatih.

Keywords: *Teromba, Sovereign, Traditional Malay Poetry*

Pengenalan

Puisi Melayu Tradisional merupakan salah satu tinggalan nenek moyang yang sungguh tidak ternilai harganya kepada kita sekiranya ingin dihitung dengan kekayaan wang ringgit. Puisi yang diolah dan yang dihasilkan mempunyai pelbagai maksud sekiranya maknanya diteliti secara mendalam dan terperinci. Sebagaimana diketahui bahawa masyarakat Melayu merupakan salah satu masyarakat yang amat berpegang teguh kepada adat resam dan budaya mereka. Hal ini membolehkan segala perkara yang dijalankan sepanjang kehidupan mereka adalah berlandaskan kepada peraturan pantang larang tradisi.

Teromba merupakan salah satu aspek yang membezakan Adat Perpatih dengan Adat Melayu yang lain. Dalam kalangan masyarakat Adat Perpatih, teromba yang diguna pakai sebelum menjalankan sebarang aktiviti kemasyarakatan baik sosial, politik maupun ekonomi, ini termasuklah hal-hal pentadbiran negeri, suku, perundungan, kehakiman, upacara istiadat dan sebagainya. Dalam permuafakatan ini, pernyataan, penerangan dan penghujahan adalah dilafazkan, dibuktikan dan disokong oleh teromba. Teromba sebagai mana dengan adat-adat lazimnya tidak bertulis. Ianya bersifat lisan. Ia diperturunkan dari satu keturunan kepada satu keturunan yang lain atau lebih tegas lagi dari satu generasi ke satu generasi. Jadi, dalam teromba daya ingatalah yang memainkan peranan penting (Mohd Rosli Saludin, 2007: 89). Teromba ini kebanyakannya tidak bertulis sedangkan yang bertulis sangat sedikit iaitu dalam Kumpulan Hukum Adat dari Sungai Ujong, Kumpulan Undang-undang Minangkabau dan Perak dan satu lagi ialah dari Kuala Pilah tetapi yang teratur segar ialah rencana oleh bekas Hakim E.N Taylor ditinjau dari sudut hukum.

Abdullah Siddik (1975:1) mengatakan bahawa perkataan teromba adalah daripada bahasa Minangkabau dan puisi itu juga berasal dan berkembang di daerah Minangkabau dan Palembang, iaitu daerah Sumatera tengah sekarang. Menurut Norhalim Hj Ibrahim pula (1993:7) teromba dipercayai berasal daripada kata “tambo” dalam bahasa Minangkabau. Tambo, menurut pengertian “Kamus Besar Indonesia” bermakna sejarah, abad, hikayat, riwayat kuno atau huraiyan sejarah sesuatu daerah yang selalunya bercampur dengan dongeng. Manakala istilah teromba pula mengikut pengertian “Kamus Dewan” bererti sejarah yang diceritakan dalam bentuk perbilangan, tambo atau riwayat.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan

- i. Untuk membincangkan penggunaan teromba dalam kalangan masyarakat Adat Perpatih.
- ii. Untuk mengkaji fungsi-fungsi teromba dalam kalangan masyarakat Adat perpatih.
- iii. Untuk menghuraikan teromba sebagai raja puisi.
- iv. Untuk membincangkan teromba sebagai alat upacara

Batasan Kajian

Kajian ini hanya tertumpu kepada bidang kesusasteraan sahaja iaitu teromba menjadi raja puisi. Kajian ini juga membataskan tentang penggunaan teromba dalam kalangan masyarakat Adat Perpatih. Teromba masih digunakan dalam masyarakat Melayu terutama dalam masyarakat Adat Perpatih. Penggunaannya masih berterusan sehingga kini terutamanya dalam nikah kahwin, lantikan pemimpin dan selesai gaduh. Teromba dianggap sebagai raja puisi kerana teromba dianggap penting dalam majlis perkahwinan. Bagi Adat Perpatih, teromba dalam perkahwinan penting sebagai peraturan hidup, kawalan sosial dan sistem kekeluargaan yang amat menyeluruh. Melalui teromba dalam perkahwinan Adat Perpatih dua perkara yang sangat dipentingkan dan harus menjadi ikutan. Perkara tersebut ialah muafakat dan budi. Dalam usaha mencari kebenaran, konsep muafakat yang berlandaskan kepada budi sering mendapat sanjungan.

Pengumpulan pelbagai fungsi teromba dan penguraian faktor teromba menjadi raja dalam puisi akan dibuat untuk membolehkan tujuan kajian ini dapat dicapai. Bukan itu sahaja, kajian ini juga terbatas kepada aspek fungsi-fungsi teromba dalam kalangan masyarakat Adat Perpatih. Antara fungsi-fungsi teromba yang bakal dibincangkan ialah digunakan dalam adat perkahwinan termasuk merisik, bertunang, dan berkahwin, teromba dijadikan rujukan, teromba digunakan dalam sumber sejarah, sebagai bahan hiasan, teromba sebagai bahan gunaan, digunakan sebagai wahana komunikasi, mempengaruhi dan mendidik mayarakat, memberi nasihat dan teguran serta memberi pendidikan.

Pengertian Teromba

Teromba ialah susunan undang-undang adat yang disampaikan dalam bentuk puisi dan adat. Di sinilah ia dikenali sebagai ‘Adat Minangkabau’ iaitu sama ada ‘Adat Temenggung’ atau ‘Adat Perpatih’ yang mula digunakan di Minangkabau. Di Malaysia, hanya Adat Perpatih yang diamalkan iaitu di Negeri Sembilan, khususnya di daerah Rembau, Kuala Pilah, Tampin, Jelebu dan Seremban. Negeri-negeri yang lain mengamalkan Adat Temenggung tetapi bukanlah Adat Temenggung yang difahamkan sebagai Adat Minangkabau. Adat Temenggung di Malaysia dikenali sebagai adat Melayu atau adat kampung yang seluruhnya disesuaikan dengan aturan-aturan hukum syarak mengikut Mazhab Syafie (Abdullah Siddik, 1975:160).

Menurut Mohd Taib Osman, teromba ialah pengucapan adat yang menerangkan perbilangan Adat Perpatih dan menerangkan perbilangan adat besar (Mohd Taib Osman, 1975:136). Manakala Harun Mat Piah menjelaskan bahawa teromba yang mengandungi konotasi adat yang digunakan sebagai panduan dan amalan terutama Adat Perpatih dan Adat Temenggung yang sehingga kini masih digunakan di Minangkabau dan beberapa daerah di negeri Sembilan dan Melaka (Harun Mat Piah, 1989: 424).

Teromba juga dikenali sebagai perbilangan adat, tambo dan terasul. Semua konsep ini hampir sama maksudnya iaitu merupakan kata-kata adat yang menjadi panduan dan amalan masyarakat Adat Perpatih, baik yang terdapat di Negeri Sembilan mahupun di Naning dan Melaka. Dalam konteks puisi Melayu tradisional, Harun Mat Piah seterusnya menjelaskan bahawa, perkataan teromba digunakan sebagai istilah teknik bagi satu jenis puisi yang dari segi bentuknya tergolong sebagai puisi bebas (sama seperti talibun dan prosa berirama) dan mungkin mengandungi bentu lain (umumnya pantun), tetapi isi dan fungsinya merujuk kepada satu bidang yang tetap iaitu adat (1989:424).

Teromba adalah teks yang menyatakan salasilah dan kandungan undang-undang adat yang dikenali sebagai Adat Perpatih, khususnya seperti yang diikuti dan diamalkan di Minangkabau, Sumatera dan Negeri Sembilan, Malaysia. Undang-undang tersebut masih diikuti dan diamalkan dalam masyarakat berkenaan. Makna asal teromba ialah salasilah keturunan seseorang, satu kumpulan masyarakat atau bangsa, suatu sistem atau sebagainya. Teks lisan tertulis ini adalah dalam bentuk puisi yang indah, padat dan penuh daya kreatif. Teromba berkait rapat dengan terasul dan tambo. Istilah teromba juga dikenali dengan nama lain seperti gurindam adat, kata-kata adat, perbilangan adat, kiasan adat dan pepatah adat (Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan, 1999: 2464).

Menurut Wilkinson, teromba pada makna asal ialah ‘Salasilah’ keturunan (*genealogy*) seseorang, suatu kumpulan masyarakat, sesuatu bangsa, satu sistem dan sebagainya. Teromba juga mempunyai istilah lain antaranya ialah ‘terasul’ dan ‘tambo’ (Wilkinson, 1901:163). Menurut Kamus Dewan, teromba adalah sejarah

yang diceritakan dalam bentuk perbilangan, tambo atau riwayat (Kamus Dewan, 1994: 1435). Dialek Negeri Sembilan menyebutnya ‘terombo’ dengan huruf ‘r’ nya seperti bunyi ‘ghain’ nipis. Dialek Minang pula ‘tambo’ yang mungkin daripada perkataan ‘tarambo’ tetapi telah digugurkan bunyi ‘r’nya.

Teromba Sebagai Raja Puisi

Teromba dalam perkahwinan Adat Perpatih mampu mewujudkan masyarakat adat yang berkeperibadian yang mulia dan berkat diri yang Islami atau masyarakat adat yang beriman dan bertakwa kepada Allah, masyarakat adat yang handal dan terpuji, masyarakat adat yang terpandang dan berjaya, masyarakat adat yang tahu diri atau yang memiliki pakaian lahir dan pakaian batin yang Islami. Setiap kata mempunyai makna tersurat dan tersirat yang mempunyai mesej pengajaran kepada masyarakat. Teromba dalam adat perkahwinan Adat Perpatih juga penting sebagai bahan hiasan dan rujukan.

Teromba bukan sahaja diamalkan oleh masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih, malah teromba turut diamalkan oleh masyarakat Minangkabau. Namun, istilah yang digunakan oleh masyarakat Adat Perpatih dengan Minangkau adalah berlainan iaitu masing-masing menggunakan ‘terombo’ dan ‘terambo’. Dialek Negeri Sembilan menyebutnya ‘terombo’ dengan huruf ‘r’ nya seperti bunyi ‘ghain’ nipis. Dialek Minang pula ‘tambo’ yang mungkin daripada perkataan ‘tarambo’ tetapi telah digugurkan bunyi ‘r’nya. Djaruddin Amar (1989) berpendapat, perkataan teromba dan tambo adalah sama dari segi pengertiannya dan penggunaan teromba adalah di Negeri Sembilan manakala tambo di Minangkabau, yang berbeza cuma dari segi loghatnya sahaja.

Selain itu, teromba dianggap sebagai raja puisi kerana ia masih dijadikan sebagai sumber sejarah dan juga rujukan penting seperti bahan panduan, memeriksa dan menyemak apa-apa yang dikendaki oleh adat bagi menjalankan sesuatu majlis adat. Menurut Mohd Din bin Ali (1956) dalam bukunya “*Sembaan Adat dan Pepatah Adat Melayu*” antara lain memberikan majlis kenduri berhelat, yang dikatakan “*Adat Beratur, Bilang Bertentu*” itu ialah persediaan dan perjalanan sesuatu istiadat yang dihadiri oleh pemimpin-pemimpin adat, Penghulu, Lembaga, dan Buapak. Dalam bahagian ini, dapat dilihat fungsi teromba sebagai rujukan dan pada masa yang sama sebagai hiasan dalam ucapan pada tempat-tempat yang berkenaan.

Puisi-puisi lain seperti pantun, sajak, gurindam dan sebagainya digunakan secara bermusim tetapi teromba digunakan setiap hari dalam kegiatan masyarakat Adat Pepatih seperti dalam memberi nasihat, teguran, didikan dan teromba ini boleh digunakan dalam apa jua keadaan terutama untuk memberi nasihat, didikan, teguran, kekeluargaan dan sebagainya. Contoh teromba berbentuk kekeluargaan ialah:

*Seikat seperti sirih
Serumpun seperti serai
Sociap seperti ayam
Sedecing seperti besi
Malu tak boleh diagaih
Suka tak boleh diinjak
Melompat sama parah
Menyerudup sama bongkok
Jalan sedundun
Selenggang seayam*

(Harun Mat Piah,1989: 446-447)

Bukan itu sahaja, teromba dianggap sebagai raja puisi kerana ia masih digunakan sehingga ke hari ini walaupun dunia pada hari ini sudah moden. Masyarakat Adat Perpatih masih lagi mengamalkan teromba sehingga kini terutamanya dalam adat perkahwinan, rujukan, wahana komunikasi dan sebagainya. Sebagai contoh, teromba digunakan sebagai bahan panduan dalam memeriksa dan menyemak apa-apa yang dikendaki oleh adat bagi menjalankan sesuatu majlis adat. Manakala, teromba dalam perkahwinan Adat Perpatih boleh dijadikan alat untuk memahami diri sendiri supaya tidak ada orang mengatakan kita tidak tahu beradat. Komunikasi teromba adalah juga sebagai puisi simbolik masyarakat Adat Perpatih yang mempunyai makna dan fungsi yang dapat menggambarkan cara hidup dan corak kepercayaan masyarakat adat.

Peranan Teromba

Pada dasarnya, teromba mengisi pemerian-pemerian tentang nilai dan pegangan hidup yang dipraktikkan dalam semua aspek kehidupan masyarakat. Pada dasarnya juga, itulah fungsi teromba iaitu untuk menggariskan norma-norma adat yang mesti diterima dan diamalkan oleh anggota-anggota masyarakat. Satu perkara yang harus ditekankan di sini, iaitu ungkapan-ungkapan teromba tidak terdapat dalam kegiatan-kegiatan kesenian dan hiburan seperti dalam lagu dan tarian. Tetapi mungkin juga dinyanyikan dalam sesuatu majlis atau keramaian, sekurang-kurangnya pada masa yang telah lalu ketika mana peranan puisi dan lagu merangkumi bidang yang lebih luas.

Penggunaan teromba secara aktif dan peranannya dalam kehidupan masyarakat adat terdapat dalam bentuk perlakuan, dalam majlis-majlis, upacara dan adat istiadat tertentu misalnya dalam jamuan dan kenduri, majlis perlantikan ketua dan pemimpin adat serta dalam peringkat-peringkat perlaksanaan sebuah perkahwinan dan sebagainya. Dalam kegiatan-kegiatan seperti itu, fungsi teromba boleh dilihat dari dua perspektif iaitu:

i. Teromba Sebagai Bahan Hiasan dan Rujukan

Di sini fungsi teromba sebagai suatu kemestian; tetapi boleh sahaja digunakan atau tidak. Biasanya yang menuturkan ungkapan-ungkapan itu ialah seorang yang tertentu daripada pihak yang terlibat; iaitu pihak tuan rumah atau wakilnya dan pihak tetamu atau wakilnya. Isi teromba yang diucapkan agak terkhusus kepada majlis yang berkenaan sahaja. Selain daripada digunakan sebagai hiasan dan ucapan alu-aluan, terima kasih dan sebagai bahan panduan, memeriksa dan menyemak apa-apa yang dikendaki oleh adat bagi menjalankan sesuatu majlis adat.

Menurut Mohd Din bin Ali dalam bukunya “*Sambaan Adat dan Pepatah Adat Melayu*” antara lain memberikan majlis kenduri berhelat, yang dikatakan “*Adat Beratur, Bilang Bertentu*” itu ialah persediaan dan perjalanan sesuatu istiadat yang dihadiri oleh pemimpin-pemimpin adat, Penghulu, Lembaga, dan Buapak. Dalam bahagian ini, dapat dilihat fungsi teromba sebagai rujukan dan pada masa yang sama sebagai hiasan dalam ucapan pada tempat-tempat yang berkenaan. Contohnya;

*Dilikung kampung nan sesudut
Ditokok tangga nan semata
Dibetulkan rasuk pelancar
Ditahan rasuk melintang
Dituntung lantai nan sebilang*

*Ditutup atap nan selayar
Diarak kayu nan panjang*

(Mohd Din Ali, 1957: 36-40)

ii. Teromba Sebagai Bahan Gunaan

Contoh yang diberikan lebih merupakan sebagai satu rujukan tentang cara dan persediaan membuat sesuatu majlis beradat, jadi ertinya ia tidak dibaca atau dituturkan, walaupun mungkin tuan rumah atau tetamunya memetik beberapa bahagian daripadanya. Contohnya;

i. Menjemput Tamu:

*Beginilah bang
Sembah pada datuk
Adalah saya ini dari kampung nan bersudut
Rumah nan berketak tangga*

*Ibarat dari istana menjunjung titah
Ibarat dari balai menjunjung sabda
Ibarat dari tempat semenda
Menjunjung suruhan dari buapak
Adalah hajat dan tujuan saya
Menjemput anak buah datuk
Serta adat dengan pusaka nan bersebab kerana
Inilah sembah saya pada datuk*

Penggunaan teromba sebagai media atau alat komunikasi dalam majlis tertentu lebih jelas lagi dalam mengendalikan kerja-kerja berkaitan dengan hal-hal perkahwinan yang meliputi peringkat-peringkat mulai dari merisik, menghantar tanda dan melamar, menjawab atau menerima cincin mintaan, majlis bertunang dan bertukar cincin, menetap tarikh, istiadat perkahwinan termasuklah nikah dan bersanding, menjemput pengantin dan sebagainya. Namun, terdapat juga fungsi-fungsi teromba yang lain. Antaranya ialah:

i. **Digunakan Dalam Adat Perkahwinan**

Teromba dalam perkahwinan Adat Perpatih memang tidak dapat dipisahkan dan merupakan undang-undang yang luas. Aturan teromba ini tidak boleh lari daripada kenyataan iaitu, “di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung”. Teromba dalam perkahwinan Adat Perpatih boleh dijadikan alat untuk memahami diri sendiri supaya tidak ada orang mengatakan kita tidak tahu beradat. (Jabarudin Joned,2000:1). Pengucapan teromba dalam perkahwinan Adat Perpatih mengandungi unsur-unsur estetika lahir dan maknawi. Melalui unsur-unsur inilah kepimpinan Adat Perpatih dapat menyampaikan pernyataan-pernyataan, fikiran, perasaan, harapan, cita-cita, serta mesej dalam perhubungan manusia dengan manusia, manusia dengan masyarakat atau alam sekitarnya.

ii. **Digunakan Sebagai Wahana Komunikasi**

Teromba sebagai alat komunikasi dalam Adat Melayu adalah peristiwa penting yang mempunyai peranan kompleks dan ia adalah gelanggang untuk anggota masyarakat berkumpul, berjumpa kawan-kawan, membuat janji, mengadakan perbincangan kecil tentang kerja-kerja harian dan tempat anak muda berkenalan. Seni komunikasi teromba dalam kumpulan kecil dalam kalangan ahli keluarga menjadi tempat untuk ahli keluarga bermesra dan mewariskan ajaran moral serta pelbagai ilmu, adat istiadat dan nasihat. Kekuatan yang ada dalam seni komunikasi teromba akan menjalin kehormanian hidup bermasyarakat dalam Adat Melayu.

iii. **Mempengaruhi dan Mendidik Mayarakat**

Kepimpinan Adat Perpatih menggunakan teromba sebagai alat komunikasi untuk mempengaruhi dan mendidik masyarakatnya. Konsep utamanya ialah muafakat dan budi. Mereka adalah orang yang paling layak untuk menyampaikan sesuatu maklumat. Maklumat yang hendak disampaikan adalah dalam bentuk lambang-lambang tertentu. Saluran penyampaian sama ada melalui percakapan, bahasa isyarat atau gerak badan. Sasaran adalah masyarakat adat yang menerima maklumat dan menterjemahkan lambang-lambang kepada pengertiannya (Nordin Selat, 1976: 20). Contohnya antara kata-kata teromba yang kuat diamalkan berbunyi begini:

*Kok gaduh bulu di bulu
Kok gaduh hilir di hilir
Kok gaduh tengah di himpun
Kok ke bukit sama di daki
Kok ke lurah sama dituruni
Berat sama dipikul
Ringan sama dijinjing
Mendapat sama berlaba*

Keciciran sama kerugian

iv. Memberi Nasihat dan Teguran

Teromba juga berfungsi sebagai memberi nasihat dan teguran. Bagi masyarakat Adat Perpatih mereka yakin dan percaya bahawa nasihat dan teguran melalui teromba dapat mengelakkan seseorang daripada berkecil hati. Hal ini demikian kerana sifat teromba yang mempunyai kata-kata kiasan yang lembut. Keadaan ini bukan sahaja dapat mengelakkan daripada pergaduhan seterusnya dapat mengeratkan hubungan silaturrahim sesama manusia.

v. Memberi Pendidikan

Di samping itu, teromba juga berfungsi sebagai pendidikan. Bagi masyarakat Adat Perpatih teromba dijadikan sebagai pendidikan kerana teromba mempunyai kata-kata yang puitis, bermakna, pengajaran yang bagus dapat diambil dan mempunyai nilai-nilai murni yang baik. Oleh itu, tidak hairanlah teromba dapat digunakan pada semua peringkat umur dan dapat dijadikan sebagai pendidikan terutamanya kepada golongan muda.

Tema Dan Persoalan Teromba Sebagai Alat Upacara

Tema

Tema itu lahir melalui pengalaman, imaginasi dan konflik. Jika dilihat dari segi teromba, tema yang terdapat dalam ‘Teromba Sebagai Alat Upacara’ ialah adat dan kepercayaan dalam masyarakat Melayu. Sememangnya, masyarakat Melayu pada zaman dahulu sangat memegang kepada adat dan mereka sangat percaya akan kuasa-kuasa ghaib dan keistimewaan alam semulajadi. Mereka menggunakan sumber-sumber alam dalam pelbagai perkara baik dari segi luaran maupun dalaman. Contohnya:

*Daun gandarusa daun penangkal
Menangkal musuh dari luar
Menangkal musuh dari dalam
Menangkal sihir dengan serapah
Menangkal tuju dengan tinggam
Yang dibawa jin lalu
Yang dibawa hantu pelesit
Yang dibawa puaka jembalang.*

Persoalan

‘Teromba Alat Upacara’ mempunyai persoalan tentang santau dalam masyarakat Melayu. Sesetengah manusia sanggup melakukan sesuatu yang negatif seperti sihir untuk mencapai hajat yang mereka inginkan walaupun dengan menggunakan cara yang salah. Ini adalah sikap manusia, seperti yang kita lihat manusia mempunyai bermacam-macam ragam dan perangai hingga ada yang sanggup melakukan apa sahaja demi mendapat apa yang diidamkan walaupun perkara itu salah di sisi agama. Contohnya:

*Pertama alat Tepung Tawar
Daun setawar penawar bisa
Bisa laut bias bumi
Bisaterbang dibuat orang
Bias racun dengan santau.*

Dalam ‘Teromba Sebagai Alat Upacara’ terdapat juga persoalan tentang kebaikan sumber alam semula jadi. Alam merupakan anugerah Tuhan yang amat berharga dan bernilai kepada kesejahteraan kehidupan.

Manusia sememangnya banyak bergantung kepada sumber-sumber semulajadi di muka bumi ini. Allah telah mencipta alam ini seimbang untuk kemakmuran semua makhluk termasuklah manusia. Bumi yang luas dijadikan tempat tinggal manusia, gunung-gunung sebagai tiang-tiang di muka bumi ini, tumbuh-tumbuhan sebagai sumber makanan dan ubatan kepada kehidupan, demikian juga dengan pelbagai jenis haiwan dan hidupan di lautan.. Contohnya:

*Daun sedingin penyejuk hati
Kalau marah mulai marak
Dapat teduh disapunya
Dapat membuang hati dengki
Dapat membuang umpat puji
Dapat menyabar-nyabarkan hati.*

Di samping itu, terdapat persoalan tentang kebijaksanaan dalam berkata-kata. Maknanya di sini seseorang yang bijak dapat diukur melalui caranya bercakap dan berhujah di hadapan khalayak. Bercakap di sini bermaksud percakapan itu mestilah dapat memberikan kesan yang positif khususnya buat para pendengar. Di samping itu, setiap patah bicara mestilah mempunyai isi atau dengan erti kata lain tidak bercakap kosong tanpa fakta dan hujah. Sebelum bercakap, kita haruslah mengetahui apa yang ingin disampaikan dan perlu memikirkan terlebih dahulu apa yang akan diucapkan itu sebelum melepaskan kata-kata. Contoh adalah seperti berikut:

*Daun ati-ati tanda bijak
Bijak bercakap bijak berunding
Bijak mengambil kata putus
Bijak duduk di orang ramai*

Terdapat juga persoalan tentang cabaran dalam kehidupan. Kita sebagai manusia tidak terlepas daripada ditimpa musibah. Bukan manusia sahaja yang hidup di dalam dunia ini, tetapi banyak lagi makhluk lain yang berada di dunia ini walaupun berlainan alam termasuklah makhluk-makhluk ghaib. Jadi, manusia juga tidak terlepas dan terpaksa menghadapi gangguan-gangguan daripada kuasa-kuasa halus seperti puaka. Contohnya:

*Yang dibawa jin lalu
Yang dibawa hantu pelesit
Yang dibawa puaka jembalang.*

Persoalan seterusnya ialah persoalan keikhlasan dalam masyarakat. Persoalan ini turut diketengahkan dalam teromba ini dengan menggunakan simbol air percung sebagai tanda keikhlasan dalam pelbagai perkara. Keikhlasan dalam masyarakat sangat penting untuk melahirkan sebuah masyarakat yang harmoni dan tidak berpecah belah. Contoh ialah seperti berikut:

*Air percung tanda ikhlas
Ikhlas dalam bergaul
Ikhlas dalam bercakap
Ikhlas beri-memberi
Ikhlas tolong-menolong*

Selain itu, terdapat persoalan tentang rezeki yang murah kepada manusia. Allah sentiasa memberikan rezeki kepada hambanya tidak kira dalam apa jua keadaan sekalipun. Tetapi setiap rezeki itu tidak datang dengan sendirinya, ia perlu disertakan dengan usaha. Misalnya beras kunyit dan bertih dikatakan sebagai lambang rezeki. Rezeki akan mudah diperoleh dalam pelbagai cara dan datang tanpa mengira masa. Setiap rezeki yang diperoleh mestilah didahului dengan usaha yang kuat. ‘Teromba Alat Upacara’ turut mengenangkan persoalan tentang rezeki manusia. Contohnya,

*Beras kunyit beras basuh
Tiga dengan beras bertih
Itu tanda rezeki datang*

*Rezeki tiba dari langit
Rezeki tumbuh dari bumi
Rezeki timbul dari laut
Rezeki keluar dari hutan
Yang datangnya tidak berpintu
Yang tibanya tidak berketika*

Seterusnya, persoalan tentang kepercayaan masyarakat primitif. Oleh itu, masyarakat Melayu lazimnya sangat sayang dan sukar untuk meninggalkan amalan-amalan yang telah diamalkan sejak turun-temurun terutamanya amalan nenek moyang mereka. Mereka masih mengamalkan kepercayaan tradisi warisan nenek moyang dalam menjalani kehidupan mereka. Kebanyakan kepercayaan nenek moyang masyarakat Melayu lebih kepada kepercayaan mengenai makhluk halus. Contohnya:

*Kalau berasap membumbung langit
Terbangnya menembus awan tinggi
Itu tanda pemberitahuan
Kepada segala makhluk halus.*

Di samping itu, persoalan lain yang terdapat dalam teromba ini seperti kepentingan sirih dalam kehidupan masyarakat Melayu. Sirih membawa banyak makna dalam masyarakat Melayu. Sirih bukan sahaja digunakan untuk makan tetapi digunakan sebagai lambang dalam sesuatu perkara atau majlis seperti pertunangan dan perkahwinan. Hal ini dapat dilihat dengan jelas apabila berlangsungnya majlis pertunangan dan perkahwinan, hantaran akan disertakan bersama-sama sirih seolah-olah sirih menjadi satu kewajipan dalam majlis ini. Sirih juga dimakan sebagai permulaan untuk menyatakan sesuatu hasrat atau hajat. Selain itu, sirih juga dapat merapatkan hubungan sesama masyarakat. Contohnya:

*Kelima tepak sirih selengkapnya
Daun sirih pembuka kata
Sirih pemanis-manis muka
Sirih penyedap-nyedap hati
Sirih pembuka pintu rumah
Sirih pembuka pintu hati
Yang jauh menjadi dekat
Yang renggang kembali rapat
Yang telingkah berkesudahan*

Selain itu, teromba sebagai alat upacara turut mengengahkan persoalan tentang warna putih atau kapur putih sebagai lambang kesucian hati. Kapur putih membawa banyak makna dalam kehidupan masyarakat Melayu. Putih juga dikatakan sebagai warna yang suci dan bersih. Hal ini menjelaskan bahawa lambang warna putih dianggap warna yang paling suci dan perlu disematkan di dalam diri supaya hidup sentiasa tenang dan dapat menghindarkan diri daripada sifat-sifat yang tercela. Antara contoh rangkap yang menjelaskan hal ini ialah:

*Kapur putih seputih hati
Putih hati yang memberi
Putih hati yang menerima
Putih luar putih dalamnya
Putih tidak bercacat cela.*

Persoalan lain ialah persoalan tentang hubungan sesama manusia. Masyarakat Melayu dahulu sangat menjaga ketertiban dan mempunyai nilai-nilai kemasyarakatan yang sangat tinggi. Mereka juga sangat menjaga hubungan sesama manusia dalam sesuatu kelompok masyarakat, lebih bersepakatan dalam sesuatu perkara, dan

saling bekerjasama..‘Teromba Alat Upacara’ membuktikan bahawa masyarakat Melayu sangat menjaga hubungan sesama manusia. Contohnya:

*Tak ada sela-bersela
Tak ada tingkai-bertingkai
Tak ada iri-mengiri
Yang duduk sama rendah
Yang tegak sama tinggi
Sama setukul seperjalanan
Sama seja dan sekata.*

Seterusnya, persoalan tentang permuafakatan sesama manusia. Muafakat penting dalam hidup bermasyarakat kerana dengan muafakat inilah dapat menyatupadukan sesebuah masyarakat. Di dalam teromba sebagai alat upacara ini ada menjelaskan tentang permuafakatan dan tidak ada persengketaan. Kita hidup dalam bermasyarakat haruslah sentiasa berusaha untuk mengelak daripada berlaku perpecahan dan sanggah-menyanggah antara satu sama lain. Contoh yang dapat diambil dalam teromba alat upacara ialah:

*Tanda muafakat akan tiba
Tanda kata akan putus
Tanda sengketa akan selesai
Tak ada sanggah-menyanggah
Yang menyanggah dipancung putus
Yang menentang dibunuh mati
Yang khianat disudahi.*

Terdapat juga persoalan tentang kedaulatan negeri. Kedaulatan penting bagi memastikan keamanan negeri terus terpelihara. Dengan kedaulatan ini, rakyat dapat hidup tanpa diganggu, hak individu dihormati dan tidak dicabuli, rakyat bebas memilih cara hidup, tidak dizalimi, bebas memberi pendapat, bebas beragama dan berpersatuan, bebas bergerak, dan menikmati kehidupan yang aman dan selesa. Negeri yang berdaulat mencerminkan pemimpin yang berwibawa. Negeri yang berdaulat juga dikatakan sentiasa mempunyai tuah. Contohnya:

*Rambu kuning jurai-juraian
Itu tanda daulat negeri
Tanda tuah dalam negeri.*

Tambahan pula, terdapat juga persoalan tentang adat. Adat merupakan peraturan yang diamalkan oleh masyarakat yang terdahulu sehingga dianggap hukum dan peraturan yang harus diikuti dan dipatuhi. Konsep adat dalam masyarakat Melayu bukan sahaja istiadat, tetapi termasuk dalam seluruh aspek kehidupan seperti sistem sosial, kepercayaan, dan perundangan. Adat dalam masyarakat Melayu tradisional adalah berkaitan dengan proses kehidupan manusia bermula apabila seseorang itu dilahirkan hingga manusia itu meninggal dunia. Perkara-perkara yang terdapat di dalam adat dapat menggambarkan banyak perkara. Kalau rombongan menghantar tepak seratus itu bermakna rombongan dari golongan raja. Selain itu, jika dihantarkan adalah tepak lima puluh itu merupakan golongan yang berpangkat seperti datuk-datuk manakala jika dihantar tepak tunggal itu bermaksud orang biasa atau orang kebanyakan. Ini dapat dijelaskan lagi melalui contoh di dalam teromba alat upacara iaitu:

*Kalau dihantar tepak seratus
Itu tanda raja berdaulat
Kalau dihantar tepak lima puluh
Satu induk di muka
Empat puluh Sembilan pengiringnya
Itu tandanya datuk-datuk*

*Kalau tepak tunggal-tunggalan
Tunggal pula pengiringnya
Pertama tepak pengantar
Kedua tepak berbilang
Berbilang runding dan muafakat
Itu pakaian orang banyak.*

Akhir sekali, persoalan tentang kepentingan menjaga diri dan sifat malu. Menjaga diri di sini bermaksud seseorang itu harus tahu menguruskan dirinya dan hidup berlandaskan hukum-hukum agama serta mengelakkan diri daripada melakukan perkara-perkara yang negatif. Manakala sifat malu pula, malu adalah satu kata yang mencakupi perbuatan menjauhi segala apa yang dibenci dan harus ada dalam diri setiap individu.

Contohnya:

*Keduanya tabir gantung
Disebut juga tabir gulung
Yang tergantung di awang-awang
Bagai mimpi siang hari
Untuk penutup malu turun
Untuk penjaga-jaga diri*

Kesimpulan

Kesimpulannya, memang tidak dapat dinafikan lagi bahawa teromba merupakan raja puisi. Teromba bukan sahaja dianggap sebagai medium komunikasi malah melalui teromba juga masyarakat Adat Perpatih menggunakan sebagai rujukan penting. Malah, teromba turut digunakan dalam upacara penting seperti merisik, meminang, berkahwin dan sebagainya. Penggunaan teromba digunakan pada setiap adat dan perlakuan yang disertai ungkapan-ungkapan puitis, indah dan bertepatan dengan pengertian yang dimaksudkan. Dapatlah disimpulkan bahawa puisi teromba itu telah sebatи dan amat popular dalam kehidupan masyarakat. Kesebatian ini bukan sahaja pada menyebut dan menggunakan dalam majlis-majlis perkahwinan dan kerapatan atau berkampung malahan diikuti dan diamalkan oleh setiap anggota masyarakat adat.

Tegasnya dapatlah dikatakan puisi teromba dilahirkan dan diabadikan bersama fungsinya dalam kehidupan masyarakat, sama seperti genre-genre yang lain seperti pantun, gurindam, syair, dan mantera. Bagaimanapun, masih ada ciri yang khusus dan istimewa yang dimiliki oleh puisi teromba iaitu ia diabadikan dalam kehidupan seharian-harian bukan sahaja melalui aktiviti-aktiviti kesenian tetapi meliputi pemikiran, pegangan hidup, peraturan dan perundangan, bahkan adat resam dan kebiasaan dalam kehidupan masyarakat adat yang tergolong dalam nilai hidup sebagai seorang muslim yang sejati.

Author Contributions

Kajian ini banyak berterima kasih kepada penyelia pertama dan kedua tesis penyelidik kerana banyak memberi petunjuk dan pengajaran yang terbaik untuk menyiapkan artikel ini.

Conflicts Of Interest

Tiada ada konflik kepentingan dalam kajian ini kerana segala jumpaan adalah sangat berguna kepada kepimpinan Adat Perpatih dan anak buahnya untuk belajar dari maklumat yang diperolehi. Maklumat tentang teromba adalah sangat penting sebagai rujukan utama dalam Adat Perpatih itu sendiri. Tanpa Teromba perjalanan Adat Perpatih itu tidak begitu padu dan kukuh. Teromba itu sebagai penegas dan pelengkap fakta.. Jadi kepentingannya adalah untuk adat dan anak buah itu sendiri.

Biodata Penyelidik

Rosliza Binti Musa bertugas sebagai seorang Pegawai di Sektor Pengurusan Sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah Tumpat, Kelantan. Pernah berkhidmat sebagai Pegawai di Sektor Pembelajaran, Pejabat Pendidikan Daerah Pasir Mas Kelantan. Memiliki Diploma Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan. Juga pemegang National Professional Qualification for Educational Leaders (NPQEL) dari Institut Aminuddin Baki, Jitra. Memiliki Ijazah Sarjana Kesusasteraan Melayu dari Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI). Juga Pernah memegang jawatan sebagai seorang Guru Cemerlang sewaktu menjawat sebagai seorang guru.

Penyelidik kedua

Dr. Zuraidah Hassan merupakan pensyarah di Universiti Islam Melaka (UNIMEL). Bidang kepakaran beliau adalah mengenai sejarah arkeologi budaya dan warisan. Belia merupakan ketua program untuk Doktor falsafah sejarah dan juga merupakan Ahli jawatankuasa untuk Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia (IAAM). Penglibatan beliau dalam kajian berkaitan sejarah dan budaya adalah meluas antaranya menjalankan kajian mengenai pendidikan muzium, sosioekonomi dalam pelancongan di Raub, pendigitalan karya untuk tokoh alam melayu, penaiktaraf Muzium Diraja Istana Lama Seri Menanti dan sebagainya.

Penyelidik ketiga

Profesor Madya Dato Paduka Dr Mohd Rosli Saludin pernah mengajar di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tg Malim, Perak. Pernah menjadi Timbalan Dekan dan Ketua Jabatan Bahasa dan Komunikasi di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Pernah menjadi Felo Penyelidik Kanan dan Felo Tamu di Institut Alam dan Tamaduan Melayu, UKM, Bangi Selangor. Beliau juga Tokoh Warisan Kebangsaan Orang Hidup dan Pakar Rujuk Adat, Jabatan Warisan Negara Malaysia.

RUJUKAN

- Abdullah Siddik. (1975). *Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Djaruddin Amar. (1989). *Pengantar Pengetahuan Adat*. Padang: Penerbit CV. Cahaya Matahari.
- Harun Mat Piah. (1989). *Puisi Melayu Tradisional: Suatu Pembicaraan Genre dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabarudin Jonet. (2001). *Adat Perpatih Luak Ulu Muar*. Kuala Pilah: Pelangai Press.
- Kamus Dewan. (1994). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Din Bin Ali. (1956). *Sambaan Cakap dan Perpatih Adat Melayu*. Kuala Lumpur: The Economy Printers Ltd.
- Mohd Rosli bin Saludin (2007). *Mencari Pengertian Teromba*. Bukit Mertajam: Goal Intelligent.
- Mohd Taib Osman. (1975). *Warisan Puisi Melayu* (peny). Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan
- Nordin Selat. (1976). *Sistem Sosial Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Berhad.
- Norhalim Hj. Ibrahim. (1993). *Adat Perpatih Perbezaan dan Persamaannya Dengan Adat Temenggung*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn Bhd
- Wilkinson, R.J. (1901). *A Malay – English Dictionary*. Singapura: Kelly and Walsh.